

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB TUAN HAJI KHALID BIN
ABDUL SAMAD [SHAH ALAM]**

SOALAN :

YB Tuan Haji Khalid bin Abdul Samad [Shah Alam] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan dalam kedudukan minyak mentah dunia yang jatuh, apakah langkah-langkah konkrit Kerajaan bagi memastikan PETRONAS kekal berdaya saing.

JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID B. OMAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

PETRONAS sentiasa mengamalkan prinsip perbelanjaan yang berhemah sebagai langkah proaktif di dalam menghadapi keadaan pasaran industri minyak dan gas yang tidak menentu dan sentiasa berubah-ubah.

Amalan ini telah mempersiapkan PETRONAS dengan persediaan yang diperlukan di dalam menghadapi kemerosotan harga minyak global semasa yang telah memberi impak kepada syarikat-syarikat minyak dan gas di seluruh dunia.

Di antara langkah-langkah yang diambil oleh PETRONAS adalah:

- a. Di segi penjimatan kos
 - i. pengurangan perbelanjaan modal (*CAPEX*) sebanyak 10% dan dan operasi (*OPEX*) sebanyak 30%; dan
 - ii. penilaian semula pelaburan akan datang dengan memberi keutamaan kepada projek-projek yang lebih kompetitif dan berdaya saing

- b. Di segi pengeluaran
- i. mengekalkan tahap pengeluaran sedia ada
 - kadar pengeluaran minyak domestik PETRONAS pada masa ini adalah sekitar 600 ribu tong sehari (2013 : 576 ribu tong sehari, 2014 : 603 ribu tong sehari)
 - ii. menggiatkan usaha-usaha tertentu
 - meneruskan amalan pengurusan *reservoir* yang efisien dan menjalankan kerja-kerja teknikal yang diperlukan bagi mengekalkan tahap pengeluaran

Sekian. Terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB TUAN HAJI KHALID BIN ABDUL SAMAD
[SHAH ALAM]**

SOALAN :

**YB Tuan Haji Khalid bin Abdul Samad [Shah Alam] minta
PERDANA MENTERI menyatakan :-**

- (a) status pelaksanaan Projek Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA) ; dan
- (b) jumlah projek PR1MA yang dilaksanakan dan jumlah yang telah siap setakat bulan Mac 2015.

JAWAPAN: YB DATO'SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini, Anggota Perbadanan PR1MA telah meluluskan sebanyak 119,933 unit rumah untuk dibina di seluruh negara. Jumlah unit pembangunan ini sentiasa berubah dan meningkat dari semasa ke semasa berdasarkan kekerapan Mesyuarat Anggota Perbadanan PR1MA diadakan.

PR1MA juga sedang rancang melaksanakan pembinaannya yang meliputi pelbagai tempat strategik di seluruh Malaysia. Secara keseluruhannya, PR1MA telah menerima kelulusan bagi Perintah Pembangunan untuk membangunkan 32 projek yang melibatkan 28,363 unit rumah. Daripada jumlah ini, sebanyak 11,308 unit rumah sedang dalam pembinaan yang terdiri daripada lapan (8) buah projek. Sekiranya lebih banyak Perintah Pembangunan diluluskan, maka lebih banyak projek rumah PR1MA akan memulakan kerja-kerja pembangunannya. Antara projek-projek yang berada dalam pembinaan termasuklah di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Kedah, Johor, Perak dan Negeri Sembilan.

Pada 7 Mac 2015 yang lalu, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menyerahkan secara rasmi replika kunci kepada pemilik rumah PR1MA Presint 11 Putrajaya. Projek ini telah siap dibina oleh Putrajaya Holdings dan sedia untuk diduduki oleh penghuni rumah PR1MA dalam jangka masa terdekat.

Sekian. Terima kasih.